



SYARAT DAN PERATURAN ANUGERAH KHAS KUMPULAN KOMUNITI

ASAS ANUGERAH

Anugerah Khas Kumpulan Komuniti merupakan **pengiktirafan yang diberikan kepada kumpulan yang memberikan sumbangan dalam projek komuniti** dengan penuh dedikasi berdasarkan konsep perpindahan ilmu pengetahuan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Anugerah ini juga akan menggalakkan lebih banyak penyertaan staf UTeM untuk terlibat dalam aktiviti bersama komuniti dan industri.

Anugerah ini juga akan menggalakkan lebih banyak penyertaan staf UTeM untuk terlibat dalam aktiviti bersama komuniti dan industri.

SYARAT PENCALONAN

Berikut merupakan syarat pencalonan bagi kategori Anugerah Khas Kumpulan Komuniti ini:

1. Penyertaan adalah secara berkumpulan dan berdaftar dengan Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM – Melaka (RICE). Pencalonan dikemukakan oleh RICE.
2. Telah memberikan sumbangan yang cemerlang kepada komuniti dan telah melalui penilaian penarafan oleh RICE.

PROSEDUR PENCALONAN

1. Pencalonan akan dikemukakan oleh Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka.

KRITERIA PENILAIAN

Kriteria penilaian bagi anugerah ini merangkumi kecemerlangan suatu kumpulan komuniti melebihi kumpulan yang lain dari segi aspek berikut:

- i. Peringkat Kerjasama (Industri / Kerajaan / Badan Profesional / Komuniti / Agensi) – (30%)
- ii. Impak Ke Arah Pembangunan Mampan (SDG) – (10%)
- iii. Impak Program Kepada Komuniti/Industri – (10%)
- iv. Impak Program Kepada Universiti – (50%)

PROSEDUR PENILAIAN

1. Penilaian Anugerah Khas Kumpulan Komuniti akan dilaksanakan oleh **Panel Penilai Teknikal Anugerah Khas Kumpulan Komuniti**.

TITIK AMBANG

50 markah dan ke atas

NILAI ANUGERAH

Nilai Anugerah Khas Kumpulan Komuniti adalah **seperti berikut** :

- i. **Penerima Anugerah RM4,000.00** (Ringgit Malaysia : Empat Ribu Sahaja) beserta **sebuah piala** dan **sijil penghargaan**.
- ii. **Saguhati** sebanyak **RM 500.00** kepada **2 kumpulan** yang memperolehi markah tertinggi.
- iii. Sijil penghargaan kepada semua pencalonan yang memasuki saringan akhir di peringkat Universiti